



KENANGAN ... Mohd Mustaqlim (duduk empat dari kanan) dan Victor (duduk empat dari kiri) bersama peserta yang menghadiri Kursus Pengurusan Marah & Kebijaksanaan Emosi anjuran UMS.

UB/29/7/2011/187

Seramai 35 kakitangan awam hadiri kursus pengurusan marah

KOTA KINABALU: Seramai 35 kakitangan sektor awam telah menghadiri Kursus Pengurusan Marah dan Kebijaksanaan Emosi mengikut kaedah Neuro Linguistic Programming yang diadakan di Palace Hotel, dekat sini kelmarin.

Mereka terdiri daripada pegawai, pensyarah dan kakitangan sokongan Universiti Malaysia Sabah (UMS) serta pegawai dan kakitangan Jabatan Kesihatan, Jabatan Pengangkutan Jalan, Jabatan Pendidikan, Polis Diraja Malaysia Cawangan Sabah serta Felda

Wilayah Sahabat, Lahad Datu.

Ceramah disampaikan oleh Mohd Mustaqim Asmuji, pengamal Neuro Linguistic Programming Master yang bertauliah. Turut hadir Penolong Pendaftar, Unit Pembangunan Profesional Bukan Akademik, Jabatan Pendaftar, UMS, Victor Gondipon.

Kursus dua hari itu dianjurkan oleh Unit Pembangunan Profesional Bukan Akademik, Sektor Pembangunan Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar UMS.